

07/06/1998

Abu Hassan akui banyak cabaran

SHAH ALAM: Datuk Abu Hassan Omar mengakui banyak cabaran dihadapinya dalam tempoh setahun menjadi Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau berkata, tugas menteri besar berat dan mencabar kerana lebih menyeluruh berbanding ketika menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Tugas menteri besar mesti mengetahui serba serbi sama ada membabitkan pentadbiran, politik, ekonomi dan sosial," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Budaya Bertemakan Reformasi Budaya Menuju Alaf Baru di sini, semalam.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor (DUN), Datuk Onn Ismail.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pendapatnya selepas setahun bertugas sebagai Menteri Besar Selangor.

Abu Hassan dilantik menjadi menteri besar oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkuatkuasa 6 Jun tahun lalu selepas memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang.

Beliau menggantikan Muhammad yang melepaskan jawatan selepas menghadapi tuduhan membawa keluar mata wang asing secara tunai sebanyak A\$1.2 juta dari Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Disember 1996.

Abu Hassan berkata, sebaik dilantik sebagai menteri besar, beliau memang menjangka memikul tugas berat dan mencabar, tetapi tidak menduga terpaksa berhadapan dengan kegawatan ekonomi dan krisis air sekarang.

"Tugas yang sedia berat kini bertambah berat. Bagaimanapun, masalah itu dapat diatasi dengan adanya sokongan daripada pemimpin Umno, kerajaan, swasta dan media massa.

"Saya juga bersyukur mendapat sokongan padu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekali gus memberi saya keazaman untuk terus bertugas dengan baik," katanya.

Sementara itu, katanya majlis penerangan anjuran kerajaan negeri membabitkan wakil rakyat, pemimpin masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai krisis air di negeri ini termasuk di Lembah Klang akan diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA), 25 Jun ini.

(END)